

<b>Headline</b>	K'jaan tidak ada kuasa larang merokok dalam kenderaan persendirian		
<b>MediaTitle</b>	New Sabah Times Bahasa (KK)		
<b>Date</b>	07 Apr 2019	<b>Color</b>	Black/white
<b>Section</b>	Semasa	<b>Circulation</b>	11,025
<b>Page No</b>	4	<b>Readership</b>	33,075
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	102 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	N/A	<b>AdValue</b>	RM 226
<b>Frequency</b>	Daily (EM)	<b>PR Value</b>	RM 678



## K'jaan tidak ada kuasa larang merokok dalam kenderaan persendirian

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk melarang perbuatan merokok di dalam kenderaan persendirian, kata Timbalan Menteri Kesihatan Dr Lee Boon Chye.

Beliau berkata kenderaan persendirian adalah ruang peribadi seseorang dan ia tidak boleh diganggu.

"Merokok dalam kereta itu kawasan persendirian, kita tidak boleh ganggu larang merokok (merokok) dalam kenderaan awam kerana ia berada di bawah peraturan sedia ada dan ia memang kawasan larangan merokok."

"Kalau ibu bapa yang memandu dan dalam kereta ada kanak-kanak sepatutnya (mereka) tidak merokok. Mereka (ibu bapa) patut juga anak supaya tidak merokok. Kalau dia pandu seorang, itu hak dia untuk dia merokok atau tidak,"

katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Menanam Pokok 'Let's Go Green' anjuran Yayasan Paru-paru Malaysia (LFM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini, kelmarin.

Turut hadir Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mohmod dan Pengurus LFM Datuk Dr Zainudin Md Zain.

Dr Lee mengulas kenyataan Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA):Dr Mohamed Namazie Ibrahim semalam berhubung cadangannya agar kerajaan mempertimbangkan kempen kesedaran bagi menghalang perbuatan merokok di dalam kenderaan kerana mereka yang melakukan perjalanan dalam satu kumpulan terdedah secara langsung kepada asap rokok basi jika seorang daripada mereka merokok di dalam kenderaan itu.-Bernama